

**NO. SOALAN : 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG**  
**[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohd Hishamudin Mohd Yunus, yang telah bersara, tidak mendapat kenaikan pangkat ke Mahkamah Persekutuan walaupun telah dicadangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman pada 2013 dan berapa kes cadangan Suruhanjaya untuk kenaikan pangkat tidak diterima.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk meningkatkan ketelusan dan keadilan dalam pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan di Malaysia. Ia diberi kuasa statut untuk melaksanakan fungsinya di bawah Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695).
2. SPK diberi tanggungjawab untuk memilih orang berkelayakan yang sesuai yang wajar dilantik sebagai hakim mahkamah atasan untuk pertimbangan Perdana Menteri seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26 Akta 695.
3. Suruhanjaya akan memilih tidak kurang daripada dua orang calon bagi setiap kekosongan jawatan kecuali bagi Mahkamah Tinggi yang membenarkan memilih tidak kurang daripada tiga orang calon bagi setiap kekosongan jawatan. Seksyen 28 Akta 695 dengan jelas menerangkan peranan Perdana Menteri untuk memberi nasihatnya mengikut Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan selepas menerima calon-calon yang disyorkan oleh Suruhanjaya.

4. Proses pemilihan oleh SPK mendahului dan menyempurnakan proses pelantikan yang diperuntukkan di bawah Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

*“122B. (1) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi dan (tertakluk kepada Perkara 122C) hakim-hakim yang lain Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja”.*

5. Berdasarkan proses pemilihan dan pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan sepetimana yang telah dijelaskan, maka tidak timbul persoalan berapa kes cadangan Suruhanjaya untuk kenaikan pangkat tidak diterima YAB Perdana Menteri kerana tindakannya adalah sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Sekian, terima kasih.